

# **GARIS PANDUAN DAN TATACARA PELAKSANAAN *CERTIFICATE COMPLETION OF POSTING (CCP)* & *CERTIFICATE COMPLETION OF HOUSEMANSHIP TRAINING (CCHT)***

**- dikemaskini pada 13 Jun 2017**

---

## **LATAR BELAKANG DAN DEFINISI**

1. Pelbagai perancangan dan strategi diatur bagi menambahbaik sistem penilaian terhadap Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) menerusi pelbagai maklumbalas termasuklah semasa Persidangan Pakar di Melaka pada tahun 2013 dan Persidangan Pakar di Port Dickson pada tahun 2015. Antara resolusi utama persidangan tersebut menyarankan agar penilaian latihan siswazah dibuat secara lebih tersusun di setiap posting di mana semua PPS perlu dinilai dengan menggunakan mekanisme yang lebih sistematik seperti berikut:

### **1.1 *Certificate Completion of Posting (CCP)***

**CCP** adalah mekanisme penilaian dan pemarkahan yang disediakan untuk menilai tahap pengetahuan dan kemahiran asas (kompetensi) serta sikap PPS di **setiap posting** (setiap disiplin).

Sekiranya atas sebab tertentu posting (disiplin) tersebut dijalankan oleh PPS di beberapa hospital, maka CCP hanya akan dikeluarkan apabila posting tersebut tamat (diperakukan) di hospital terakhir yang dijalani oleh PPS tersebut, tertakluk kepada kriteria tertentu seperti dinyatakan di perkara 10 dan Jadual 2.

*(Contoh senario: Seseorang PPS yang menjalani penilaian terakhir, maka CCP hanya akan dikeluarkan apabila beliau tamat penilaian terakhir dan **lulus** posting tersebut)*

### **1.2 *Certificate Completion of Housemanship Training (CCHT)***

**CCHT** pula adalah **markah purata** CCP dari semua posting yang telah dijalani PPS **setelah** berjaya menamatkan latihan siswazah sepenuhnya.

2. Susulan daripada resolusi Persidangan Pakar 2013 dan 2015 tersebut, beberapa siri mesyuarat melibatkan Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan), Pengarah-Pengarah Hospital, Ketua Perkhidmatan setiap disiplin dalam latihan siswazah dan Pakar-Pakar berkaitan telah diadakan untuk mendapat input bagi pelaksanaan penilaian dengan menggunakan CCP dan CCHT.

## TUJUAN

3. Secara amnya garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan pelaksanaan penilaian terhadap PPS dengan menggunakan CCP dan CCHT di semua Hospital Latihan Siswazah, iaitu mendokumentasikan tahap kecemerlangan PPS dalam CCP dan CCHT tersebut.
4. Secara khususnya garis panduan ini bertujuan menjelaskan prinsip pelaksanaan penilaian CCP dan CCHT bagi menilai kecemerlangan PPS yang diklasifikasikan kepada kategori berikut:
  - 4.1 Cemerlang
  - 4.2 Baik
  - 4.3 Memuaskan
  - 4.4 Lulus
5. Semua PPS, Ketua Jabatan dan Pakar Penyelia yang berkaitan perlu dimaklumkan oleh Pengarah Hospital mengenai kepentingan pelaksanaan CCP (di setiap posting) dan CCHT (setelah tamat latihan siswazah). Maklumat mengenai keputusan penilaian prestasi dan kompetensi PPS dalam satu-satu posting menerusi CCP akan memberikan petunjuk mengenai minat seseorang PPS dalam bidang kerjaya yang bakal mereka ceburi. Seterusnya pihak KKM akan membantu PPS tersebut untuk memilih dan menceburi bidang kepakaran yang bersesuaian ke peringkat sarjana.
6. Jawatankuasa PPS di setiap hospital mestilah aktif memainkan peranan untuk memudahkan & memantau pelaksanaan CCP termasuklah:
  - 6.1 membantu Ketua Jabatan & penyelia dalam isu kedatangan yang meliputi aspek jumlah cuti-cuti yang dibenarkan, ketidakhadiran tanpa kebenaran, kelewatan dan cuti kecemasan
  - 6.2 membantu dalam penyediaan LNPT dengan menggunakan format & tatacara yang disediakan oleh Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM
  - 6.3 pemantauan kehadiran ke sesi *Continuous Medical Education* (CME)
  - 6.4 mesyuarat Jawatankuasa PPS di setiap hospital diadakan setiap 2 bulan sekali bagi pemantauan untuk fasa permulaan untuk memastikan pelaksanaan yang berkesan.

## **ISU SEMASA DAN CABARAN DALAM PENILAIAN SETIAP POSTING**

7. Pelbagai isu dan cabaran dikenalpasti dalam penilaian PPS di setiap posting antaranya seperti berikut:
  - 7.1 Buku log sedia ada hanya menyatakan PPS tamat latihan dengan memuaskan di sesuatu posting **tanpa** penggredan terperinci.
  - 7.2 Penilaian latihan siswazah buat masa ini kurang memaparkan maklumat yang jelas akan kecenderungan minat PPS terhadap sesuatu posting bagi latihan kepakaran di peringkat sarjana kelak.
  - 7.3 Oleh kerana tiada penggredan dalam sistem penilaian sediaada ini boleh menyebabkan PPS kurang bermotivasi untuk menjalani latihan siswazah dengan jayanya.

## **PENILAIAN & PEMARKAHAN CCP**

8. Buat masa ini, prestasi PPS perlu dinilai secara berterusan samada dari segi kemahiran klinikal ataupun perkembangan sahsiah sebagai seorang doktor yang beretika. Penilaian dibuat berdasarkan kriteria-kriteria antara lain seperti yang terkandung dalam buku log dan juga dalam buku Garis Panduan Latihan Siswazah Edisi 2012 (Bab 8, mukasurat 23).
9. Susulan itu, mekanisma penilaian dan pemarkahan baru diwujudkan iaitu CCP. CCP ini berdasarkan komponen buku log sediaada dan menggunakan komponen-komponen dan wajaran seperti di Jadual 1:

**Jadual 1: Rangka Komponen Penilaian Umum dan Wajaran CCP**

<b>BIL</b>	<b>KOMPONEN PENILAIAN UMUM</b>	<b>PENILAIAN (SIKAP/TEKNIKAL)</b>	<b>WAJARAN / PERATURAN</b>
i	Kedatangan	Berdasarkan penilaian sikap	15
ii	LNPT		15
iii	Penilaian berterusan & buku log (35) <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengetahuan asas &amp; kompetensi                             <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Case Based Discussion (CBD)</i></li> <li>• <i>Mini Clinical Evaluation Exercise (Mini-CEX)</i></li> </ul> </li> <li>• Kompetensi melaksanakan prosedur                             <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Direct observed procedural skills (DOPS)</i></li> <li>• <i>Compulsory Performed/Assisted / Observed procedure</i></li> </ul> </li> <li>• Maklumbalas dari pelbagai pihak (<b>Multisource feedback</b>) (5)                             <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Soft skills &amp; Sikap (Attitude)</i></li> <li>• Kerja berkumpulan</li> <li>• Komunikasi</li> <li>• <i>Accessibilty</i></li> </ul> </li> </ul>	Berdasarkan penilaian teknikal / klinikal setiap disiplin	40
iv	Kehadiran <i>Continuous Medical Education (CME)</i>		5
v	Penilaian di akhir posting <ul style="list-style-type: none"> <li>-Berdasarkan disiplin / hospital                             <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Multiple Choice Question (MCQ)</i></li> <li>• Viva / Klinikal</li> <li>• Pembentangan CME (posting Perubatan Kecemasan sahaja)</li> </ul> </li> </ul>		25
	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>100</b>

(Nota : sila rujuk perkara 10-11 di muka surat 4-8 bagi penjelasan Jadual 1)

10. Butiran terperinci mengenai komponen dan wajaran (Jadual 1) tersebut adalah seperti berikut:

**10.1. Kedatangan:**

Wajaran adalah 15 markah. Aspek ini dinilai berdasarkan 4 kategori iaitu aspek kehadiran, cuti kecemasan, kelewatan dan ketidakhadiran tanpa kebenaran di mana markah diberikan berdasarkan kombinasi daripada keempat-empat aspek.

i) Aspek kehadiran

Kehadiran	
Markah	Kriteria mengikut cuti latihan di setiap posting (10 hari)
3	Kehadiran penuh hanya dengan cuti rehat dan <b>cuti-cuti</b> yang dibenarkan tidak melebihi 10 hari di setiap posting ( $\leq 10$ hari)
2	Cuti rehat dan cuti-cuti yang dibenarkan yang berjumlah 11 - 15 hari
1	Cuti rehat dan cuti-cuti yang dibenarkan yang berjumlah 16 - 20 hari
0	Cuti rehat dan cuti-cuti yang dibenarkan yang berjumlah melebihi 20 hari ( $> 20$ hari)

- Cuti latihan di setiap posting adalah 10 hari merangkumi cuti rehat (8 hari di setiap posting) dan **cuti-cuti** yang dibenarkan.
- Cuti-cuti yang dibenarkan dalam latihan siswazah termasuklah cuti sakit, cuti bersalin, cuti haji dan cuti tanpa rekod.
- Jika PPS mengambil cuti rehat dan cuti-cuti yang dibenarkan melebihi 10 hari maka PPS tersebut perlu dilanjutkan supaya tempoh latihan siswazah mencukupi 4 bulan
- PPS lantikan kontrak diberikan maksima cuti sakit sebanyak 90 hari dalam setahun. Jika cuti sakit melebihi 90 hari dalam setahun kalendar, maka cadangan penamatan kontrak akan dikemukakan oleh pihak hospital.

ii) Aspek cuti kecemasan

Cuti kecemasan	
Markah	Kriteria
2	Tiada cuti kecemasan
1	Cuti kecemasan / <i>emergency leave</i> (EL) 1 – 3 kali
0	Cuti kecemasan / <i>emergency leave</i> melebihi 3 kali ( $> 3$ kali)

- PPS perlu mengisi borang cuti rehat setelah kembali bertugas

iii) Aspek kelewatan

Kelewatan datang bertugas	
Markah	Kriteria
4	Tiada kelewatan
3	Kelewatan 1 - 2 kali di <i>punch card</i>
2	Kelewatan 3 - 5 kali di <i>punch card</i>
1	Kelewatan 6 - 7 kali di <i>punch card</i>
0	Kelewatan melebihi 7 kali (> 7 kali)

- Ketua Jabatan perlu mengeluarkan surat amaran kepada PPS yang terlibat.

iv) Aspek ketidakhadiran

Ketidakhadiran tanpa kebenaran	
Markah	Kriteria
6	Tiada ketidakhadiran tanpa kebenaran
5	Tidak hadir tanpa kebenaran yang berjumlah 1 - 7 hari
4	Tidak hadir tanpa kebenaran yang berjumlah 8 - 14 hari
3	Tidak hadir tanpa kebenaran yang berjumlah 15 - 21 hari
2	Tidak hadir tanpa kebenaran yang berjumlah 22 - 28 hari
1	Tidak hadir tanpa kebenaran yang berjumlah 29 – 35 hari
0	Tidak hadir tanpa kebenaran melebihi 35 hari (> 35 hari)

- Bagi lantikan kontrak yang bermula 5 Disember 2016, markah CCP bagi kategori ini adalah 4 - 6 sahaja. Jika PPS tidak hadir tanpa kebenaran selama 7 hari maka PPS perlu memberikan surat tunjuk sebab kepada pihak hospital. Manakala jika PPS tidak hadir tanpa kebenaran melebihi 14 hari dalam satu tahun kalendar, Ketua Jabatan hendaklah membuat laporan mengenai ketidakhadiran PPS tersebut kepada Pengarah Hospital. Pihak hospital hendaklah mengemukakan cadangan penamatan kontrak (**rujukan: Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Bil 4/2016: Perlantikan Secara Kontrak Bagi Pegawai Perubatan,**

**Pegawai Pergigian Dan Pegawai Farmasi Bagi Menjalani Latihan Siswazah Atau Khidmad Wajib).** PPS perlulah dimaklumkan supaya tidak lagi hadir bertugas mulai tarikh kontrak tamat iaitu selepas jumlah ketidakhadiran tanpa kebenaran telah berjumlah 14 hari.

- Bagi PPS lantikan tetap, markah CCP bagi kategori ini adalah **markah 0-6**. Setiap ketidakhadiran tanpa kebenaran akan diambil tindakan tatatertib. Hospital perlu mengambil tindakan segera dengan memberhentikan emolumen serta merta & melaporkan kepada Unit Integriti KKM.

## 10.2 LNPT:

- Penilaian LNPT mengikut garis panduan melalui surat edaran bertarikh 14.4.2016 daripada Ketua Pengarah Kesihatan kepada seluruh Hospital Latihan Siswazah.
- LNPT dilaksanakan di setiap posting secara manual dengan mengisi borang LNPT (borang sediada).

## 10.3 Penilaian berterusan & buku log

- Pemarkahan ditentukan oleh Pakar berdasarkan pengetahuan dan kemahiran asas serta sikap PPS.
- Penilaian buku log dilaksanakan supaya dapat memberi panduan kepada PPS bagi mempelajari kemahiran-kemahiran klinikal semasa menjalani latihan di setiap posting. Penilaian buku log merangkumi:
  - *Case Based Discussion (CBD)*
    - Long case, eg ; *preoperative assessment & fluid resuscitation*
  - *Mini Clinical Evaluation Exercise (Mini-CEX)*
    - Short case, eg ; *subarachnoid block*
  - Kompetensi melaksanakan prosedur
    - Direct observed procedural skills (DOPS) e.g: Lumbar puncture*
    - Compulsory Performed / Assisted / Observed procedure*
  - Maklumbalas dari pelbagai pihak (*Multisource Feedback/MSF*)
    - Aspek-aspek seperti *soft skills*, sikap, kerja berkumpulan, kemahiran berkomunikasi serta *accessibility* merupakan komponen yang dinilai menerusi MSF. Penilaian akan dibuat secara berterusan sepanjang posting seperti semasa sesi *ward round*, sesi *CME* dan kerja harian di wad. Sebagai contoh, semasa PPS membuat pembentangan kes, mereka akan dinilai samada dapat menyampaikan maklumat yang tepat mengenai identiti pesakit dan masalah yang dialami pesakit.
    - Wajaran bagi MSF adalah 5 markah yang akan dinilai oleh sekurang-kurangnya 2 pihak iaitu Pegawai Perubatan dan Ketua Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan.

- Format MSF adalah seperti format yang sediada di dalam buku log di setiap posting.

Professionalisma & Integriti	MSF dari Pegawai Perubatan (Format buku log)	MSF dari Ketua Jururawat / Penolong Pegawai Perubatan (Format buku log)
• <i>Soft skills</i> & Sikap ( <i>Attitude</i> )	1.0	1.0
• Kerja berkumpulan	0.5	0.5
• Komunikasi	0.5	0.5
• <i>Accessibilty</i>	0.5	0.5
Wajaran	2.5	2.5

#### 10.4 Kehadiran *Continuous Medical Education* (CME)

Hadir sesi CME $\geq 75\%$ dalam masa 4 bulan	5
Hadir sesi CME $\geq 75\%$ dengan perlanjutan 2 minggu	4
Hadir sesi CME $\geq 75\%$ dengan perlanjutan 4 minggu	3
Hadir sesi CME $\geq 75\%$ dengan perlanjutan 6 minggu	2
Hadir sesi CME $\geq 75\%$ dengan perlanjutan 8 minggu	1
Hadir sesi CME $\geq 75\%$ dengan perlanjutan melebihi 8 minggu	0

CME meliputi 16 *core topics* di setiap posting dan wajaran adalah sebanyak 5 markah

#### 10.5 Penilaian di akhir posting

Wajaran untuk komponen ini adalah 25 peratus. Penilaian akan ditentukan oleh Pakar dan bergantung kepada disiplin / hospital masing-masing di mana ia boleh dilaksanakan samada dalam bentuk:

- *Multiple Choice Question* (MCQ) atau,
- Viva / Klinikal atau,
- Pembentangan CME (posting Perubatan Kecemasan sahaja)

11. Setiap disiplin diberi fleksibiliti untuk membuat penyesuaian masing-masing tetapi mestilah mematuhi prinsip-prinsip asas yang telah ditetapkan dalam rangka kerja am bagi CCP seperti Jadual 1. CCP bagi setiap disiplin boleh dirujuk di **Lampiran A1 – A9**.



12. Berdasarkan markah yang diperolehi menggunakan wajaran di Jadual 1, maka di akhir setiap posting, PPS perlu diberi gred atau tahap seperti Jadual 2.

**Jadual 2: Penentuan Gred CCP**

BIL	KATEGORI PENCAPAIAN	JULAT PEMARKAHAN	GRED (TAHAP)
I	CEMERLANG ( <i>EXCELLENT</i> )	≥ 90 %	4
II	BAIK ( <i>GOOD</i> )	85 % - 89.9 %	3
III	MEMUASKAN ( <i>SATISFACTORY</i> )	75 % – 84.9 %	2
IV	LULUS ( <i>PASS</i> )	60 % –74.9 %	1
V	GAGAL ( <i>FAIL</i> )	< 60 %	-

13. PPS yang dilanjutkan akibat masalah kompetensi dan / atau tidak melengkapkan buku log dan / atau tidak hadir tanpa kebenaran maka markah maksima (siling) adalah 84.9 % di gred 2.
14. PPS yang perlu menjalani **penilaian terakhir** maka markah maksima (siling) adalah 74.9 % di gred 1.
15. PPS yang gagal menamatkan sesuatu posting seperti perletakan jawatan, ditamatkan latihan oleh Lembaga Kelayakan Perubatan, hukuman dibuang kerja atas sebab tindakan tatatertib atau dicadangkan penamatan oleh pihak hospital tidak akan diberikan CCP.
16. Markah CCP yang diberikan perlulah menunjukkan pencapaian hasil dan kualiti kerja PPS dalam tempoh penilaian.
17. Pemarkahan CCP diberikan oleh Pakar Penyelia dan perlu disahkan oleh Ketua Jabatan.
18. Sijil CCP dikeluarkan di penghujung setiap *posting* di mana satu salinan diberikan kepada PPS dan satu salinan lagi akan disimpan oleh pihak pengurusan dan pentadbiran hospital. Sijil CCP ini juga akan **dilampirkan dalam buku log** setiap posting seperti contoh di lampiran B.

## **PENILAIAN & PEMARKAHAN CCHT**

19. **CCHT** adalah **markah purata CCP** dari semua posting yang telah dijalankan oleh PPS **setelah** berjaya menamatkan latihan siswazah sepenuhnya (lampiran C).

*(Nota: Sebagai contoh seseorang PPS mendapat CCP dalam 6 posting yang dijalani dengan gred 4,3,3,4,3,4 maka CCHT yang diperolehi adalah 3.5)*

20. CCHT akan dirujuk untuk perlanjutan pengajian ke peringkat sarjana dan mengenal pasti PPS dengan prestasi cemerlang (contohnya untuk diserap ke skim tetap daripada lantikan kontrak) dan lain-lain.
21. Sijil CCHT akan dikeluarkan oleh pihak pengurusan hospital manakala kertas Sijil CCHT akan dibekalkan oleh Bahagian Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia dan diberikan kepada PPS setelah mereka tamat latihan siswazah untuk rujukan.
22. Selain itu, pihak pentadbiran hospital juga akan menyimpan satu salinan sijil CCHT di dalam buku perkhidmatan PPS dan dikemukakan bersekali apabila PPS ini bertukar hospital bagi penempatan Pegawai Perubatan.

## **TARIKH PELAKSANAAN CCP & CCHT**

23. CCP & CCHT ini disarankan untuk dilaksanakan mulai **15 Jun 2017 di semua Hospital Latihan Siswazah dan ia terpakai kepada semua PPS yang sedang menjalani latihan siswazah.**
24. Semua Pengarah Hospital Latihan Siswazah hendaklah **memaklumkan arahan ini** kepada semua Ketua Jabatan dan Pakar Penyelia yang mengendalikan Program PPS supaya ketetapan ini dapat dilaksanakan dengan lancar.

## **PERTANYAAN DAN MAKLUMBALAS**

25. Sebarang pertanyaan atau maklumbalas hendaklah dikemukakan kepada:

Pengarah Perkembangan Perubatan  
Bahagian Perkembangan Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
No Tel : 03-88831107  
No Faks : 03-88831105

Disediakan oleh:

Unit Program Latihan Siswazah  
Cawangan Pembangunan Profesion Perubatan  
Bahagian Perkembangan Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Mei 2017

## **RUJUKAN**

1. Buku Log PPS bagi disiplin latihan siswazah
2. Garis Panduan Program Latihan Siswazah
3. Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Bil 4/2016 - Perlantikan Secara Kontrak Bagi Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian Dan Pegawai Farmasi Bagi Menjalani Latihan Siswazah Atau Khidmad Wajib

**COMPONENT & WEIGHTAGE FOR CERTIFICATE OF COMPLETION**  
**DEPARTMENT O & G**

COMPONENTS	PERCENTAGE (%)		ACTUAL MARK OBTAINED
1. Working Attendance	15	15	
2. LNPT	15	85	
3. Continuous Assessment /Log Book (35)  -CBD -Mini-CEX -DOPS -Compulsary Performed / Assisted/ Observed Procedure  Professionalism & Integrity (Multisource Feedback /MSF) (5) -Attitude & Soft Skills -Team Work Values -Communication -Accessibility	40		
4. CME Attendance	5		
5. End of Posting Assessment  Department Specific : OSCE/ MEQ	25		
<b>TOTAL</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	

Signature:.....  
 (Supervisor)  
 Name :  
 Date :  
 Stamp :

Signature:.....  
 (Head of Department)  
 Name :  
 Date :  
 Stamp :

**COMPONENT & WEIGHTAGE FOR CERTIFICATE OF COMPLETION**  
**DEPARTMENT MEDICAL**

COMPONENTS	PERCENTAGE(%)	ACTUAL MARK OBTAINED
<b>1. Attendance</b>	15	
<b>2. LNPT</b>	15	
<b>3. Continuos Assessment &amp; Log Book (35)</b> - Core Knowledge & Clinical Management Competency <ul style="list-style-type: none"> <li>• CBD</li> <li>• Mini-CEX</li> </ul> - Procedural Competency <ul style="list-style-type: none"> <li>• DOPS</li> <li>• Compulsory Performed/ Assisted/ Observed Procedure</li> <li>• BLS</li> </ul> Professionalism and Integrity (Multisource feedback/MSF) (5) <ul style="list-style-type: none"> <li>-Soft skills &amp; Attitude</li> <li>-Team work</li> <li>-Accessibility</li> <li>-Communication</li> </ul>	40	
<b>4. CME Attendance</b>	5	
<b>5. End of Posting assesment</b>	25	
<b>TOTAL</b>	<b>100</b>	

Signature:.....  
 (Supervisor)  
 Name :  
 Date :  
 Stamp :

Signature:.....  
 (Head of Department)  
 Name :  
 Date :  
 Stamp :

**COMPONENT & WEIGHTAGE FOR CERTIFICATE OF COMPLETION**  
**DEPARTMENT SURGERY**

REQUIREMENT	COMPONENTS	PERCENTAGE (%)	ACTUAL MARK OBTAINED
	Attendance	15	
	LNPT	15	
<b>Clinical and technical skills</b>	CME Attendance	5	
	<b>SMART CARD (50)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Professional &amp; integrity (<i>Multisource feedback</i>)(5)               <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Soft skills &amp; Attitude</i></li> <li>• <i>Team work</i></li> <li>• <i>Accessibility</i></li> <li>• <i>Communication</i></li> </ul> </li> <li>• Continuous assessment &amp; Log book (45)</li> </ul>	50	
	End of Posting Assessment	15	
	Total	100	

Signature: .....

(Supervisor)

Name :

Date :

Stamp :

Signature: .....

(Head of Department)

Name :

Date :

Stamp :

## Smart Card evaluation in Surgical Posting

Ward												
Duration												
Month	1			2			3			4		
Grading	A	B	C	A	B	C	A	B	C	A	B	C
1. Knowledge												
A) Core knowledge												
B) Ability to ask												
C) Ability to answer												
2. Attitude												
A) Reliability												
B) Teamwork												
C) Compassion to patients												
3. Practice												
A) Patient evaluation												
B) Case presentation												
C) Clinical judgment												
D) Procedure Skills												
E) Documentation												
Overall Grade												

Overall Grade: If  $\geq 4A$ 's then overall A;  
 If  $\geq 4C$ 's then overall C.  
 All other is grade B.

Grade A – 50 points  
 Grade B – 35 points  
 Grade C – 20 points

**COMPONENT & WEIGHTAGE FOR CERTIFICATE OF COMPLETION**  
**DEPARTMENT ORTHOPAEDIC**

COMPONENTS	PERCENTAGE(%)	ACTUAL MARK OBTAINED
1. <b>Attendance</b>	15	
2. <b>LNPT</b>	15	
<b>3. Continuous Assessment &amp; Log Book (35)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• CBD</li> <li>• Mini-CEX</li> <li>• DOPS</li> <li>• Compulsory Performed/ Assisted/ Observed/ Procedure</li> </ul> <b>Professionalism &amp; Integrity (Multisource feedback / MSF) (5)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Soft skills &amp; Attitude</li> <li>• Team work</li> <li>• Accessibility</li> <li>• Communication</li> </ul>	40	
4. <b>CME Attendance</b>	5	
<b>5. End of Posting assessment</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Department Specific : MCQ/OSCE/VIVA</li> </ul>	25	
<b>TOTAL</b>	<b>100</b>	

Signature: .....

(Supervisor)

Name :

Date :

Stamp :

Signature: .....

(Head of Department)

Name :

Date :

Stamp :



**COMPONENT & WEIGHTAGE FOR CERTIFICATE OF COMPLETION**  
**DEPARTMENT PAEDIATRIC**

COMPONENTS	PERCENTAGE(%)	ACTUAL MARK OBTAINED
1. Attendance	15	
2. LNPT	15	
<b>3. Continuous Assessment &amp; Log Book (35)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• CBD</li> <li>• Mini-CEX</li> <li>• DOPS</li> <li>• Compulsory Performed/ Assisted/ Observed/ Procedure</li> </ul> <b>Professionalism and Integrity (Multisource feedback) (5)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Soft skills &amp; Attitude</li> <li>• Team work</li> <li>• Accessibility</li> <li>• Communication</li> </ul>	40	
4. CME Attendance	5	
<b>5. End of Posting assessment</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Department Specific : MCQ/OSCE/VIVA</li> </ul>	25	
<b>TOTAL</b>	<b>100</b>	

Signature:.....

(Supervisor)

Name :

Date :

Stamp :

Signature:.....

(Head of Department)

Name :

Date :

Stamp :

**COMPONENT & WEIGHTAGE FOR CERTIFICATE OF COMPLETION**  
**EMERGENCY DEPARTMENT**

ITEM	COMPONENT OF MARKING	MARK	PERCENTAGE (%)	ACTUAL MARK OBTAINED
1. Attendance & Punctuality		15	30	
2. LNPT		15		
<b>3. Log book &amp; Continuous Assessment (40)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• CBD</li> <li>• Mini-CEX</li> <li>• Logbook</li> <li>• DOPS</li> </ul> <b>Professionalism &amp; Integrity (MSF) (5)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Soft skills &amp; Attitude</li> <li>• Team work</li> <li>• Accessibility</li> <li>• Communication</li> </ul>	CBD: 2 cases (Trauma & Medical)	10	45	
	Mini-CEX : 2 cases (2.5 marks each)	5		
	Logbook : Completed (5 marks) Incomplete – extend	5		
	3 DOPS (5 marks each)	15		
	MSF	5		
4. CME Attendance		5		
<b>5. End of Posting Assessment</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• MCQ</li> <li>• CME Presentation</li> </ul>	30 questions : One best answers from question bank	20	25	
	Good – 5 Satisfactory – 3 Poor – 1	5		
<b>TOTAL</b>		<b>100</b>	<b>100</b>	

Signature:.....  
(Supervisor)  
Name :  
Date :  
Stamp :

Signature: .....  
(Head of Department)  
Name :  
Date :  
Stamp :

**COMPONENT & WEIGHTAGE FOR CERTIFICATE OF COMPLETION**  
**DEPARTMENT ANAESTHESIA**

COMPONENTS	PERCENTAGE(%)	ACTUAL MARK OBTAINED
1. <b>Attendance</b> – punch card/ thumb print	15	
2. <b>LNPT</b>	15	
<b>3. Continuous Assessment &amp; Log Book (35)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>CBD (15%)</b></li> <li>• <b>Mini-CEX (10%)</b> Grade : A (7-10 %)           B (4-6 %)           C (&lt; 4 %)</li> <li>• <b>DOPS (10%)</b> Grade : A (8-10%)           B (6-7%)           C (≤ 5%)</li> </ul> <b>Professionalism and Integrity (MSF) (5)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Soft skills &amp; Attitude</li> <li>• Team work</li> <li>• Accessibility</li> <li>• Communication</li> </ul>	40	
4. <b>CME Attendance</b>	5	
<b>5. End of Posting assessment</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• MCQ (15%)</li> <li>• VIVA (10%)</li> </ul>	25	
<b>TOTAL</b>	<b>100</b>	

Signature:.....  
(Supervisor)  
Name :  
Date :  
Stamp :

Signature: .....  
(Head of Department)  
Name :  
Date :  
Stamp :

**COMPONENT & WEIGHTAGE FOR CERTIFICATE OF COMPLETION**  
**DEPARTMENT PSYCHIATRIC**

COMPONENT	PERCENTAGE (%)	ACTUAL MARK OBTAINED
1. <b>Attendance</b>	15	
2. <b>LNPT</b>	15	
<b>3. Continuous Assessment And Logbook (35)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Discussion (CBD) 2 separate assessments per posting</li> <li>• Mini Case Evaluation Exercise (Mini-CEX) 2 separate assessments per posting</li> <li>• Direct Observed Procedural Skills (DOPS) <ul style="list-style-type: none"> <li>• Compulsary Performed Procedures (6 Procedures)</li> <li>• Compulsary Observed Procedures (3 Procedures)</li> </ul> </li> </ul> <b>Professionalism &amp; Integrity (Multisource feedback) (5)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Soft skills &amp; Attitude</li> <li>• Team work</li> <li>• Accessibility</li> <li>• Communication</li> </ul>	40	Grade : A(27-40 marks) B(13-26 marks) C(<13 marks)
4. <b>CME Attendance</b>	5	
5. <b>End of Posting Assessment</b> Viva (Testing Knowledge, Attitude And Practice)	Grade A (Excellent) 17-25% Grade B (Good) 9-16% Grade C (Poor) ≤ 8	25
<b>TOTAL</b>	<b>100</b>	

Signature:.....  
(Supervisor)  
Name :  
Date :  
Stamp :

Signature: .....  
(Head of Department)  
Name :  
Date :  
Stamp :

**COMPONENT & WEIGHTAGE FOR CERTIFICATE OF COMPLETION**  
**DEPARTMENT PRIMARY CARE**

COMPONENT	MARKING SCHEME	PERCENTAGE (%)	ACTUAL MARK OBTAINED
1. Attendance		15	
2. LNPT		15	
3. Continuous Assessment and Logbook (35) <ul style="list-style-type: none"> <li>• 5 Case Based Discussion (CBD)</li> <li>• 2 Mini Case Evaluation Exercise (Mini-CEX)</li> <li>• 5 Direct Observed Procedural Skills (DOPS)</li> <li>• 6 other Compulsary Performed Procedures</li> <li>• 3 Compulsary Observed Procedures (from E &amp; F page 7 logbook)</li> </ul> Professionalism & Integrity (Multisource feedback) (5) <ul style="list-style-type: none"> <li>• Soft skills &amp; Attitude</li> <li>• Team work</li> <li>• Accessibility</li> <li>• Communication</li> </ul>	OVERALL GRADE Good - A Satisfactory - B Poor - C	40 Grade : A(27-40 marks) B(13-26 marks) C(<13 marks)	
4. CME Attendance		5	
5. End of Posting Assessment Viva (Testing Knowledge, Attitude And Practice)	Grade A (Excellent) 17-25%  Grade B (Good) 9-16%  Grade C (Poor) ≤ 8	25	
<b>TOTAL</b>		<b>100</b>	

Signature:.....  
 (Supervisor)  
 Name :  
 Date :  
 Stamp :

Signature: .....  
 (Head of Department)  
 Name :  
 Date :  
 Stamp :



**NOTE: GRADING OF CCP**

<b>CATEGORY</b>	<b>PERCENTAGE (%)</b>	<b>GRADE</b>
<b>EXCELLENT</b>	<b>≥ 90 %</b>	<b>4</b>
<b>GOOD</b>	<b>85 % - 89.9 %</b>	<b>3</b>
<b>SATISFACTORY</b>	<b>75 % – 84.9 %</b>	<b>2</b>
<b>PASS</b>	<b>60 % – 74.9 %</b>	<b>1</b>



**CERTIFICATE OF COMPLETION OF HOUSEMANSHIP TRAINING (CCHT)**



Name :  
 IC Number :  
 Hospital :

Posting	Duration of Posting	Hospitals	Percentage	Grade	Notes / Comment
1.	Start: End:	1. 2. 3.			
2.	Start: End:	1. 2. 3.			
3.	Start: End:	1. 2. 3.			
4.	Start: End:	1. 2. 3.			
5.	Start: End:	1. 2. 3.			
6.	Start: End:	1. 2. 3.			
Final (Average)					

Signature of Hospital Director :  
 Name :  
 Date :  
 Stamp :



**NOTE: GRADING OF CCHT**

<b>CATEGORY</b>	<b>PERCENTAGE (%)</b>	<b>GRADE</b>
<b>EXCELLENT</b>	<b>≥ 90 %</b>	<b>4</b>
<b>GOOD</b>	<b>85 % - 89.9 %</b>	<b>3</b>
<b>SATISFACTORY</b>	<b>75 % – 84.9 %</b>	<b>2</b>
<b>PASS</b>	<b>60 % – 74.9 %</b>	<b>1</b>